

SOALAN NO. 30**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN FONG KUI LUN
[BUKIT BINTANG]

TARIKH : 21 NOVEMBER 2017

SOALAN :

YB Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha Kerajaan untuk mengekalkan legasi pencapaian semua mantan Perdana Menteri dan tidakkah usaha mempromosi TN50 bagi menafikan Wawasan 2020, menubuhkan RCI Kerugian Forex Bank Negara dan menutup Litar Formula One Sepang adalah usaha mengetepikan sumbangan dan pencapaian Mantan Perdana Menteri Tun Mahathir bin Mohamed.

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, legasi dan pencapaian semua mantan Perdana Menteri sememangnya terus dikenang dan dihargai oleh Kerajaan. Kerajaan di bawah pimpinan YAB Perdana Menteri kini meneruskan perjuangan pemimpin terdahulu bagi membina sebuah Negara yang lebih berjaya, berdaulat dan disegani oleh masyarakat dunia. Ini dibuat dengan mengambil kira perubahan semasa dalam dan luar Negara.

Dalam hubungan ini, TN50 merupakan satu inisiatif bagi memacu masa depan Negara dari 2021 hingga 2050. Ia merupakan satu kesinambungan perjuangan selepas Wawasan 2020. TN50 merupakan hasrat Negara menjadi Negara bangsa yang benar-benar berwibawa serta berminda “*par excellence*”. Ianya akan dibentuk oleh aspirasi semua rakyat dengan sasaran yang jelas. Ianya merupakan transformasi Negara yang berteraskan usahasama antara Kerajaan dan rakyat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, penubuhan sesebuah Suruhanjaya Siasatan DiRaja adalah tertakluk kepada Akta Suruhanjaya Siasatan 1950 (Disemak 1973) [Akta 119]. Pada 15 Julai 2017, KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah memperkenankan penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi menyiasat kerugian urus niaga mata wang asing oleh Bank Negara pada sekitar tahun 1980-an dan 1990-an.

Sementara itu, Kerajaan tidak bercadang untuk melanjutkan kontrak penganjuran perlumbaan Grand Prix Formula Satu (F1) bermula tahun 2018 memandangkan pulangan menurun berbanding dengan kos penganjuran kejohanan tersebut. Keputusan Kerajaan telah dibuat dengan mengambil kira kepentingan umum dan Negara.

Apa-apa penambahbaikan, pendekatan dan dasar yang dilaksanakan bukanlah bertujuan menidakkannya pencapaian dan mengeneptikan sumbangaan mana-mana mantan Perdana Menteri tetapi sebenarnya bertujuan untuk memperkuuhkan matlamat Kerajaan untuk membentuk sebuah Negara yang lebih berjaya dan maju.

Sekian, terima kasih.